

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 JULAI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 14

Lebih adil tanpa pengkelasan B40, M40 dan T20?

CADANGAN PENGHAPUSAN KELAS PENDAPATAN

Lebih adil tanpa pengkelasan B40, M40 dan T20?

Bersama
Prof Madya
Dr Mohd Edil
Abd Sukor

A

Pendekatan
baru dilihat
dapat
membantu
mengurangkan
kesilapan
berkaitan
pemberian
bantuan atau
subsidi

da ahli ekonomi berpendapat bahawa pengkelasan pendapatan berdasarkan kategori B40, M40, dan T20 adalah kurang wajar berikutan kaedah itu bersandarkan kepada jumlah pendapatan isi rumah secara kasar semata-mata tanpa melihat komitmen yang ditanggung mereka.

Ini kerana dalam menilai garis kemiskinan, pelbagai faktor seharusnya diambil kira termasuklah saiz keluarga dan juga kuasa beli sesebuah isi rumah.

Baru-baru ini, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli mengumumkan bahawa bermula tahun 2024 kerajaan bercadang untuk menghapuskan pengkelasan pendapatan berdasarkan kategori B40, M40, dan T20 dan beralih kepada pengkelasan mengikut pendapatan bersih boleh guna.

Menurut beliau, pendapatan boleh guna atau turut dikenali sebagai pendapatan selepas ditolak cukai dapat memberi gambaran yang lebih baik dalam mengukur kemampuan kewangan sesebuah isi rumah untuk berbelanja, menyimpan dan juga membuat pelaburan.

Namun, pengkelasan berdasarkan pendapatan kasar mahupun pendapatan boleh guna mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Contohnya, pengkelasan melalui pendapatan kasar seperti B40, M40, dan T20 dilihat lebih mudah untuk dikira kerana ia mewakili jumlah pendapatan yang diperolehi isi rumah sebelum sebarang potongan dibuat. Selain itu, pengkelasan ini juga dapat mengukur keupayaan sesebuah isi rumah dalam menjana pendapatan.

Maklumat ini dipertukan sebagai tanda aras kepada prospek kerjaya serta peluang pekerjaan di sesebuah negara.

Pengkelasan isi rumah melalui pendapatan kasar turut berperanan dalam penetapan dasar cukai negara selain menjadi ukuran asas kepada penunjuk makroekonomi seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bagaimanapun, adalah penting untuk kita sedari bahawa pengkelasan isi rumah



SETHAP pekerja tanpa mengira kelas pendapatan mempunyai komitmen kewangan yang terpaksa ditanggung.

berdasarkan pendapatan kasar seperti B40, M40, dan T20 adalah kurang berkesan dalam mengenal pasti ketidakseimbangan atau jurang pendapatan dalam sesebuah masyarakat. Ini kerana, ia tidak mengambil kira kos sara hidup yang berbeza bagi setiap isi rumah seperti jumlah tanggungan mereka. Oleh itu,

pengkelasan berdasarkan pendapatan boleh guna yang dicadangkan kerajaan dilihat mampu menjadi kayu ukur yang lebih realistik berkaitan kuasa beli sesebuah isi rumah. Contohnya, seorang bapa di Kuala Lumpur yang mempunyai sepuluh

Pengkelasan berdasarkan pendapatan menjadi kayu ukur lebih realistik berkaitan kuasa beli

kasarnya. Namun, status bapa yang mempunyai komitmen keluarga yang sangat tinggi ini boleh berubah kepada kategori B40 berdasarkan pengkelasan melalui pendapatan boleh guna.

Walaupun pengkelasan melalui pendapatan boleh guna dilihat lebih kompleks dan sukar, pengkelasan ini dilihat mampu memberikan perspektif yang lebih komprehensif dan tepat berkaitan situasi kewangan serta kuasa beli sesebuah isi rumah itu.

Justeru, pelbagai faktor termasuk saiz keluarga, kos sara hidup serta kuasa beli perlu dipertimbangkan dalam menilai garis kemiskinan sesebuah isi rumah itu. Ini kerana tidak semestinya kuasa beli mereka yang berpendapatan tinggi adalah tinggi.

Pendekatan baharu yang dicadangkan oleh kerajaan untuk mengkelaskan isi rumah mengikut pendapatan boleh guna adalah wajar disokong.

Ini kerana pendekatan ini dilihat dapat membantu meminimumkan kesilapan dalam perkara berkaitan pemberian bantuan atau subsidi oleh kerajaan.

Penulis Prof Madya di Jabatan Kewangan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM)

ING PENGARANG